



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 3 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	DUA PELAJAR UPSI MANGSA KEMALANGAN DIANGKAT SEBAGAI ANAK ANGKAT KERAJAAN NEGERI TERENGGANU		POSITIF
	https://www.remaja.my/dua-pelajar-upsi-mangsa-kemalangan-diangkat-sebagai-anak-angkat-kerajaan-negeri-terengganu/	REMAJA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BERI INSENTIF UNTUK TADIKA SWASTA TAWAR YURAN BERPATUTAN, KATA PERSATUAN		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/02/beri-insentif-untuk-tadika-swasta-tawar-yuran-berpatutan-kata-persatuan	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BANTUAN AWAL UNTUK MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG SEBUAN BESAR JEPAK		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/02/bantuan-awal-untuk-mangsa-kebakaran-kampung-sebuan-besar-jepak	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/02/mangsa-kebakaran-kampung-sebuan-besar-bintulu-terima-bantuan-awal/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WANITA PERLU JADI PENCIPTA SEJARAH, PACU UMNO KE HADAPAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/wanita-perlu-jadi-pencipta-sejarah-pacu-umno-ke-hadapan/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PROGRAM SWARA TINGKAT KESEDARAN BAHAYA PENGANTUNAN SEKSUAL KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/program-swara-tingkat-kesedaran-bahaya-pengantunan-seksual-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LEBIH BANYAK BANTUAN KEPADA RAKYAT – SAARANI		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/07/02/lebih-banyak-bantuan-kepada-rakyat-saarani/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	JENAYAH SEKSUAL DI TERENGGANU MENINGKAT		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/736676/edisi/terengganu/jenayah-seksual-di-terengganu-meningkat	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/02/kongsi-tandas-bilik-tidur-punca-berlaku-sumbang-mahram/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/terengganu-sexual-crimes-rise-38-in-first-half-of-2025-GP14393151	THESUN.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/02/jenayah-seksual-di-terengganu-meningkat-3-8/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/jenayah-seksual-di-terengganu-meningkat-38-pada-2025-CP14393001	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenayah-seksual-di-terengganu-meningkat-dalam-tempoh-enam-bulan-pertama-2025-527664	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	DUDA DIDAKWA TAMPAR ANAK HINGGA CEDERA, BERANG DIPANGGIL BODOH		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/736690/berita/semasa/duda-didakwa-tampar-anak-hingga-cedera-berang-dipanggil-bodoh	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/02/bapa-didakwa-tampar-pipi-anak-4-tahun-hingga-cedera-kerana-sebut-bodoh/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	REMAJA AMANG SEKSUAL DUA SEPUPU LELAKI DIHANTAR KE SEKOLAH TUNAS BAKTI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/remaja-amang-seksual-dua-sepupu-lelaki-dihantar-ke-sekolah-tunas-bakti/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1236378/pelajar-amang-2-sepupu-dihantar-ke-sekolah-tunas-bakti	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1414970/pelajar-tingkatan-3-amang-seksual-fizikal-dua-sepupu-lelaki-dihantar-ke	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	WANITA DIDAKWA SEBAR GAMBAR LUCAH MADU		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/wanita-didakwa-sebar-gambar-lucah-madu/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1239112/woman-claims-trial-sharing-obscene-images-husbands-other-wife	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/MOYbW-W11lw	YOUTUBE	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736641/berita/semasa/wanita-nafi-ugut-simpan-gambar-lucah-madu	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/02/sebar-gambar-lucah-madu-wanita-mengaku-tak-salah	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	WARGA EMAS GELANDANGAN DITUDUH CABUL 2 REMAJA DALAM PASAR RAYA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1236332/warga-emas-gelandangan-dituduh-cabul-2-remaja-dalam-pasar-rama?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/02/lelaki-bangladesh-cabul-dua-remaja-dalam-pasar-rama/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1414966/gelandangan-bangladesh-didakwa-amang-seksual-2-remaja-perempuan-di-pasar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/gelandangan-bangladesh-didakwa-amang-seksual-dua-remaja-di-pasar-rama/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	LELAKI WARGA ASING AMANG SEKSUAL REMAJA BAWAH UMUR DIPENJARA 16 TAHUN, DISEBAT		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/02/lelaki-warga-asing-amang-seksual-remaja-bawah-umur-dipenjara-16-tahun-disebat	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://utusansarawak.com.my/lelaki-warga-indonesia-dipenjara-16-tahun-6-sebatan-kerana-amang-seksual-terhadap-remaja/	UTUSANSARAWAK.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WOMEN DRIVING SUSTAINABLE AND INCLUSIVE PROGRESS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 3 JUL 2025

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

AS global economies face converging challenges – ranging from climate volatility to digital disruption – women leaders are stepping forward not only with resilience but with bold vision.

At this year's World Women Economic and Business Summit (WWEBS) to be held at Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur on July 10 and themed "Transforming Tomorrow: Women Leading in a Digital, Sustainable and Inclusive Future", two Malaysian ministers will take centre stage alongside global diplomats to address urgent issues of sustainability, education and women's economic resilience.

Ministerial leadership

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri will deliver the keynote address entitled "Transforming Tomorrow: The Power of Women's Leadership."

Her speech is expected to spotlight Malaysia's evolving gender-responsive policies and the ministry's agenda for boosting women's leadership in both public and private sectors.

From legislative support for caregivers to expanding digital literacy among rural women, Nancy is known for pushing beyond tokenism to achieve systemic change.

Complementing her vision is Education Minister Fadhlina Sidek, who will deliver a special luncheon address focused on "Educational Pathways for Women's Economic Empowerment."

WOMEN DRIVING SUSTAINABLE AND INCLUSIVE PROGRESS



Her Majesty Raja Zarith Sofiah, Queen of Malaysia together with recipients of the World Women Excellence and Leadership Awards at the 2024 World Women Economic and Business Summit.

Education reform has long been a cornerstone of long-term gender equity and Fadhlina's efforts to embed digital skills, climate awareness and leadership training into Malaysia's education system reflect her commitment to equipping the next generation of women with tools to thrive in a green and digital economy.

Diplomatic dialogue

The Fireside Chat with Women Ambassadors and High Commissioners is one of the most anticipated sessions.

Featuring Maria Angela Abrera Ponce (Philippines), Nineta Barbulescu (Romania), and Dr Mariyam Shabeena Ahmed (Maldives), the dialogue will explore how diplomatic missions are working to integrate women into trade, entrepreneurship and policymaking frameworks.

Moderated by Asean economic adviser Josephine Romero, this discussion will unpack the diplomatic and cross-border cooperation required to open access to finance, foster women-led startups and expand trade networks that include

women-owned enterprises – particularly in sectors like renewable energy and digital innovation.

Systemic renewal

Another highlight of WWEBS 2025 is the panel on Global Health Security, Crisis Leadership and Women's Economic Resilience.

Featuring speakers from the UN, academia and private sector – including Rupa Chanda (UN ESCAP) and Datuk Zunaidah Idris (Women Leadership Foundation) – the session will

explore how women-led organisations responded to pandemic-era disruptions and what adaptive strategies are needed going forward.

Importantly, this conversation will examine why women – often overrepresented in vulnerable employment and underrepresented in decision-making – must be central in shaping more shock-proof economies.

From rethinking healthcare access to building community-based safety nets, the panel reinforces that resilience is not about recovery alone – it's about redesigning systems.

Why WWEBS matters now

Since its founding in 2022, WWEBS has become Asia-Pacific's flagship platform for amplifying women's voices in business and economic policy.

With over 12 countries represented and topics ranging from AI to green finance, this year's summit doesn't just elevate inspirational stories – it drives action, policy discourse and meaningful cross-sector partnerships.

As climate change accelerates and technology reshapes the global workforce, the role of women in steering sustainable and inclusive growth is not aspirational – it is essential.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua Pelajar UPSI Mangsa Kemalangan Diangkat Sebagai Anak Angkat Kerajaan Negeri Terengganu

By Faith - 14 Jul 2025



Tragedi kemalangan bas pelajar di Gerik, Perak yang berlaku pada awal Jun lalu ternyata meninggalkan kesan mendalam buat rakyat Malaysia, khususnya apabila kisah dua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terlibat, Muhammad Adham Tuan Adnan dan Nur Ain Najwa Mohd Ilias, tular di media sosial.

Terkini, nasib kedua-dua pelajar ini mendapat perhatian istimewa daripada Kerajaan Negeri Terengganu apabila mereka diangkat sebagai anak angkat negeri di bawah Portfolio Kebajikan.



Pengumuman tersebut dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri, Maliaman Kassim, selepas mencapai persetujuan bersama beberapa pihak kerajaan negeri dan agensi kebajikan.

Menurut beliau, sebagai usaha jangka panjang, kedua-dua pelajar ini akan menerima bantuan kewangan bulanan sebanyak RM500 seorang bermula Julai ini sehingga mereka tamat pengajian di UPSI.

"Kerajaan Negeri menerusi portfolio kebajikan tidak membiarkan anak-anak ini menghadapi kesusahan bersendirian. Kita akan bersama mereka hingga mereka berjaya menamatkan pengajian," jelas Maliaman kepada Urus Setia Penerangan Darul Iman hari ini.

Tambahnya, pemilihan Adham dan Ain Najwa dibuat berdasarkan beberapa faktor, termasuk latar belakang keluarga masing-masing yang cukup mencabar.

"Semua sedia maklum ibu bapa Adham adalah Orang Kurang Upaya Penglihatan dan fizikal, manakala Ain Najwa pula anak yatim, lahir dalam keluarga susah dan sedang melalui proses pemulihan yang mencabar," ujarnya lagi.

Kisah Menyentuh Hati Seluruh Rakyat

Sebelum ini, kisah Adham dan Ain Najwa menyentuh hati ramai setelah tular di media sosial. Bukan sahaja kerana kecederaan yang dialami mereka, tetapi juga kisah ketabahan keluarga masing-masing.

Pengorbanan ibu bapa Adham yang merupakan OKU fizikal dan penglihatan telah mengundang simpati masyarakat yang turut menghulurkan sumbangan untuk meringankan beban yang ditanggungnya.

Manakala kisah pengorbanan dua adik kembar Ain Najwa pula menjadi tular selepas mereka nekad menanggungkan pengajian semata-mata untuk memberi laluan kepada kakak mereka menyambung pelajaran.



"Adik-adik saya terpaksa tolak tawaran ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana nak kerja dahulu. Katanya, 'Kakak belajar, kami tanggung kakak. Nanti kita bergilir-gilir,'" luah Ain Najwa.

Difahamkan, keluarga Ain Najwa kehilangan bapa tercinta beberapa tahun lalu yang bekerja sebagai mekanik, manakala ibunya kini uzur dan hanya mampu mengambil upah mencuci rumah jiran untuk menyara keluarga.

Akibat kemalangan tersebut, Ain Najwa mengalami patah bahu kiri dan kecederaan di pergelangan tangan. Kini, dia sedang menjalani proses pemulihan dan dibantu oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk permohonan kad OKU.

Adham juga turut mengalami kecederaan serius dan datang daripada keluarga kurang berkemampuan. Pelajar UPSI ini telah menjalani pembedahan dan memerlukan rawatan susulan secara berpanjangan.

Untuk rekod, kos rawatan Adham sebanyak RM2,900 turut ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Beri insentif untuk tadika swasta tawar yuran berpatutan, kata persatuan

YESTERDAY
Chia Wan Rou

Persatuan Tadika Malaysia berkata bantuan seperti itu dapat meringankan kos operasi dan menjamin kualiti pendidikan dikekalkan.



Naib Pengerusi Persatuan Tadika Malaysia, Elvis Gan Kah Keng berkata walaupun kebanyakan pengusaha tidak terjejas dengan cukai perkhidmatan 6% tetapi ia turut memberi kesan langsung kepada mereka.

PETALING JAYA: Kerajaan diminta mempertimbangkan cadangan pemberian insentif atau pengecualian cukai tertentu kepada operator tadika swasta yang mematuhi garis panduan pendidikan awal kebangsaan serta menawarkan yuran berpatutan.

Ini susulan langkah peluasan cukai perkhidmatan 6% yang dikenakan ke atas pendidikan prasekolah, taska dan tadika swasta dengan yuran pengajian lebih RM60,000 setahun bagi seorang pelajar, bermula semalam.

Naib Pengerusi Persatuan Tadika Malaysia, Elvis Gan Kah Keng, yang mewakili hampir 3,000 ahli berkata, cadangan itu selepas mengambil kira kesan tidak langsung seperti peningkatan kos operasi atau persepsi ibu bapa terhadap kenaikan yuran yang mungkin didepani pengusaha terbabit.

"Sebagai pengusaha dan ahli persatuan, saya percaya bahawa kebanyakan tadika di Malaysia ini masih berada dalam kategori yuran sederhana malah tidak terjejas secara langsung oleh cukai ini. Namun, kami tetap prihatin terhadap kesan tidak langsung.

"Kami sentiasa menyokong dasar kerajaan yang menyumbang kepada pembangunan pendidikan awal kanak-kanak yang mampan, tetapi pendekatan ini perlu disusuli inisiatif bantuan yang mampu menyokong pertumbuhan industri," katanya kepada FMT.

Tambahnya, skim sokongan seperti geran latihan guru, potongan cukai berganda untuk bahan pendidikan atau subsidi sewaan premis boleh diberikan bagi meringankan kos operasi, pada masa sama turut dapat menjamin kualiti pendidikan dikekalkan.

"Selain itu, bantuan bersasar untuk ibu bapa khususnya dari B40 dan M40 agar mereka tidak terbeban jika terdapat peningkatan kos di peringkat pengusaha elit yang akhirnya memberi kesan umum terhadap persepsi yuran pendidikan awal," katanya.

Semalam, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri dilaporkan berkata peluasan cukai perkhidmatan tidak memberi kesan ketara kepada ibu bapa yang menghantar anak ke institusi pendidikan awal swasta.

Katanya, orang ramai tidak perlu gusar memandangkan setakat ini kebanyakan institusi tidak mengenakan caj setinggi itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RANCANG MAJLIS PERKAHWINAN ELAK BERHUTANG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 3 JUL 2025

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Rancang majlis perkahwinan elak berhutang



Pasangan bajet terhad dinasihat fokus 3 keperluan asas agar tidak terbeban

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Dalam landskap ekonomi yang kian mencabar, perkahwinan tidak lagi sekadar berlandaskan cinta dan restu keluarga semata-mata.

Sebaliknya, turut membabitkan pertimbangan serius soal kewangan yang kian meruncing.

Jika dahulu, majlis perkahwinan boleh dilangsungkan secara sederhana, memadai dengan gotong-royong penduduk kampung atau 'rewang', kenduri yang ringkas dan persalinan seadanya, namun situasi hari ini jauh berbeza.

Pelbagai kos perlu diteliti termasuk katering, pelamin, cenderamata, busana pengantin serta hantaran yang semuanya memerlukan perbelanjaan besar sehingga menjadi beban buat bakal pengantin.

Hal ini pasti mengundang dilema kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga.

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), menunjukkan kadar gaji median hanya meningkat sekitar 2.5 peratus setahun sejak 2020 sedangkan kos barangan asas melonjak sehingga 10 peratus setiap tahun.

Ditambah kenaikan gaji yang perlahan, tidak seiring peningkatan mendadak kos barangan asas dan perkhidmatan, sekali gus membebankan golongan muda yang ingin melangkah ke alam rumah tangga.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Dr Raja Mayang Delima Mohd Beta, berkata ramai membayangkan perkahwinan bak kisah dongeng, lengkap dengan majlis gah dan hantaran mewah.

Namun realitinya, mereka terpaksa mengetepikan impian itu demi menyesuaikan diri dengan situasi ekonomi semasa.

Katanya, hidup kini tak ubah seperti 'maraton' tanpa garis penamat kerana berdasarkan laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), dan Kos Sara Hidup semakin melonjak.

"Bayangkan, kos purata sebuah majlis perkahwinan kini mencecah RM14,000, belum lagi termasuk hal sampingan seperti persiapan hantaran dan sebagainya yang menelan ribuan ringgit juga," katanya.

Beliau berkata, dengan pendapatan permulaan yang sekadar 'cukup makan', ramai bakal pengantin terpaksa mempertimbangkan semula keputusan untuk berkahwin kerana kos yang tinggi bukan sahaja menekan, malah berisiko mendorong kepada hutang jangka panjang.

"Nak bayar kos katering pun boleh jadi mimpi ngeri, sekali gus menjadikan persoalan untuk berkahwin semakin kompleks. Jauh lebih sukar daripada hanya mencari pasangan yang serasi."

"Ditambah pula kehidupan selepas perkahwinan menuntut perancangan rapi, dengan pelbagai komitmen," katanya.

Jumlah perkahwinan turun

Data terbaru DOSM turut mencatatkan, penurunan ketara dalam jumlah perkahwinan di negara ini pada 2023 dengan hanya 188,100 pasangan bernikah.

Jumlah ini menyusut 12.5 peratus berbanding 215,022 pada tahun sebelumnya.

Penurunan ini dipercayai ber-

punca daripada tekanan ekonomi, kos sara hidup yang meningkat serta perubahan keutamaan dalam kalangan belia.

Bagaimanapun, Raja Mayang berkata, terdapat perkembangan positif apabila lebih ramai anak muda kini mula bijak merancang kewangan menerusi kempen kesedaran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

"Malah, trend mengadakan majlis perkahwinan sederhana, namun bermakna semakin men-

dapat tempat dalam kalangan masyarakat moden, sekali gus mengelakkan pembaziran dan beban kewangan," katanya.

Beliau menasihatkan, pasangan yang mempunyai bajet terhad supaya fokus kepada keperluan asas sahaja.

"Jangan terbeban dengan perbelanjaan yang bukan keperluan, sebaliknya fokus kepada tiga kos utama yang wajib ada."

"Pertama ialah kursus kahwin sebagai syarat wajib dengan kos antara RM100 hingga RM150.

"Kedua, majlis kahwin yang sederhana menjemput keluarga terdekat, jiran dan rakan pejabat dengan kos boleh dikawal antara RM2,000 hingga RM5,000.

"Ketiga ialah barang hantaran yang boleh disesuaikan ikut kemampuan dan persetujuan pasangan serta bayaran jurumukah sekitar RM150 hingga RM200, termasuk urusan sijil nikah," katanya.

Beliau turut mengingatkan, perkahwinan tidak seharusnya menjadi punca tekanan, sebaliknya permulaan kepada kehidupan yang lebih stabil dan harmoni.

"Sebaiknya rancang perkahwinan secara realistik dan elakkan berhutang kerana ia hanya akan menambah beban," katanya.

Perkahwinan tidak seharusnya menjadi punca tekanan, sebaliknya permulaan kepada kehidupan lebih stabil dan harmoni

Raja Mayang
Delima Mohd Beta,
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
Perniagaan,
UiTM Cawangan
Negeri Sembilan



Bukan medan mempelayi pamer kemewahan



Masyarakat perlu berpandukan pepatah 'ukur baju di badan sendiri' dalam mengurus majlis perkahwinan. (Foto hiasan)

Setiap individu memiliki impian untuk mengadakan majlis perkahwinan gah dan penuh bermakna.

Bagaimanapun, Kaunselor Berdaftar di Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata pasangan yang ingin berkahwin tidak perlu menormalisasikan sesuatu yang kemungkinan menjadi beban emosi di kemudian hari.

Beliau menegaskan, perkahwinan bukan medium untuk menunjuk kemewahan, sebaliknya satu ikatan suci yang perlu dilangsungkan dengan kefahaman mendalam terhadap nilai dan hukum syarak.

Beliau turut mengingatkan, sekiranya kedudukan kewangan belum stabil, pasangan wajar mempertimbangkan, menangguhkan perkahwinan bagi

mengelakkan tekanan hidup yang tidak perlu selepas bernikah.

"Berpijak pada realiti dan akal yang waras dengan pertimbangan pilihan yang rasional. 'Persediaan kewangan bukan bermaksud mencukupi semua hal, namun cukup sekadar ada sumber kewangan yang tetap bagi tujuan perbelanjaan isi rumah selepas berkahwin,' katanya.

Perlu lebih realistik

Siti Fatimah berkata, masyarakat hari ini perlu lebih realistik dalam memahami konsep 'majlis gilang-gemilang', yang hakikatnya harus berpandukan pepatah 'ukur baju di badan sendiri'.

"Jika impian itu akhirnya meninggalkan beban emosi dan krisis kewangan, lebih baik majlis dilangsungkan secara sederhana tetapi bermakna. Ikut hati,

binasa.

"Untuk apa berhabisan demi satu hari majlis perkahwinan, jika hutangnya mengambil masa bertahun-tahun untuk dilangsaikan?"

"Melainkan ia ditanggung keluarga yang berbesar hati meraihan pasangan mempelai. Semuanya bergantung kepada pilihan dan keselesaan masing-masing," katanya.

Siti Fatimah
Abdul Ghani



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantuan awal untuk mangsa kebakaran Kampung Sebauan Besar Jepak

© Julai 2, 2025, Rabu - 5:06pm



Iskandar (lima kanan) menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran Kampung Sebauan Besar Jepak semalam.

BINTULU: Bantuan awal telah diserahkan hari ini kepada 26 mangsa kebakaran daripada enam keluarga yang terjejas akibat kebakaran enam buah rumah di Kampung Sebauan Besar Jepak dalam insiden semalam.

Bantuan berupa makanan dan beberapa kelengkapan lain itu diserahkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak Iskandar Turkee.

Turut hadir Pegawai Daerah Bintulu Awang Mohammed Nizam Awang Ali Bohan, Pegawai Khas Ahli Parlimen Bintulu Azman Abdul Rahman, Ketua Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) Bahagian Bintulu Zaini Ramli serta ketua-ketua masyarakat setempat.

Selain bantuan awal kata Iskandar, bantuan susulan akan dipertimbangkan untuk diserahkan kepada mangsa sebaik sahaja siasatan rasmi daripada pihak berkuasa selesai.

Beliau berkata pihaknya ingin memastikan setiap mangsa kebakaran mendapat perhatian sewajarnya menerusi bantuan susulan daripada agensi-agensi berkaitan.

"Difahamkan, semua mangsa kini menumpang sementara di rumah ahli keluarga terdekat," ujarnya dalam kenyataan di sini.

Beliau menyatakan penghargaan kepada semua pihak termasuk agensi keselamatan, sukarelawan dan komuniti setempat yang bertindak pantas membantu mangsa kebakaran tersebut sejak awal kejadian.



Iskandar dan Steven (kanan) diiringi Penghulu Idil Ismail (kiri) hari ini ketika meninjau dan melihat keadaan rumah yang terbakar di Kampung Sebauan Besar Jepak semalam.

Dalam pada itu, Iskandar yang disertai Pegawai Khas Ahli Parlimen Bintulu Steven Kong Kai Seng turut meninjau keadaan tapak rumah yang terbakar di kampung tersebut dan menemui mangsa-mangsa kebakaran semalam.

Beliau turut mencadangkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di kampung tersebut sebagai persediaan awal sekiranya berlaku kes-kes kecemasan pada masa akan datang.

Katanya, ia merupakan usaha supaya pasukan tersebut dapat bertindak awal dalam situasi kecemasan sebelum ketibaan bomba.

"Skuad bomba sukarela penting bagi kesiapsiagaan kampung-kampung di Jepak dalam menghadapi situasi kecemasan," ujarnya yang turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada mangsa.

Ujarnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Bintulu dan Pejabat Daerah Bintulu telah digeraldikan dalam menyelaras bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita perlu jadi pencipta sejarah, pacu UMNO ke hadapan



Oleh ASLINDA NASIR 2 Julai 2025, 1:57 pm

KUALA LUMPUR: Golongan wanita perlu diperhebatkan selaras dengan peranannya kerana mereka merupakan tonggak pembangunan negara.

Ketua Wanita UMNO Pasir Salak, Datin Sri Rahayu Tajuddin berkata, pengupayaan golongan wanita tidak boleh dinafikan dan ianya sangat penting memandangkan Wanita merupakan penyumbang kepada pelbagai sektor pembangunan masyarakat. Wanita hari ini perlu tampil sebagai pencipta sejarah bagi memacu UMNO ke hadapan dengan lebih berani dan yakin.

"Wanita bukan sahaja perlu celik politik, tetapi juga aktif dalam keusahawanan dan kepimpinan strategik. Sokongan terhadap bidang-bidang baharu seperti pendigitalan dan perkhidmatan turut disarankan, demi membina daya tahan ekonomi keluarga dan komuniti secara menyeluruh.

"Malah, dalam menghadapi cabaran digital dan serangan media sosial, Wanita UMNO perlu menguasai platform ini dengan strategi tersusun dan naratif yang beretika. Latihan media dan penghasilan kandungan mesti dijadikan budaya kerja jentera," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Pasir Salak minggu lalu.



Beliau dalam masa yang sama turut menekankan ketokohan Wanita UMNO terdahulu seperti Tan Sri Rafidah Aziz, Tan Sri Shahrizat Jallil dan kini Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang boleh memberi inspirasi kepada semua golongan wanita.

"Legasi pemimpin sebelum ini perlu dijadikan panduan dalam membina jentera wanita yang bukan sekadar berdisiplin dan strategik, malah berani dan relevan dengan keperluan semasa. Perjuangan generasi kini dituntut agar lebih bijaksana dan bersedia meneruskan warisan ini dengan pendekatan moden," ujarnya.

Dalam hal ini, Sri Rahayu turut berkata, media sosial bukan lagi pilihan, tetapi keperluan penting untuk mendidik masyarakat dan mempertahankan perjuangan parti dengan maruah.

"Menjelang PRU-16, wanita yang merupakan penggerak utama, pencorak arah perjuangan bangsa, dan kunci kemenangan UMNO perlu siapsiaga secara fizikal, mental dan emosi," ujarnya.

Dalam mesyuarat yang sama, Wanita UMNO Pasir Salak turut sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi kerana melepaskan penggantungan terhadap bekas Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman. — UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program SWARA tingkat kesedaran bahaya pengantunan seksual kanak-kanak

02 Julai 2025, 11:15am



Kesedaran tentang bahaya pemangsaa seksual dalam talian diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti SWARA.

PETALING JAYA: Isu pengantunan seksual kanak-kanak (child grooming) terus menjadi kebimbangan utama dalam era digital.

Menyedari kepentingan pendidikan awal kepada remaja, pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Periklanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam telah menganjurkan program kesedaran keselamatan digital SWARA – SPEAK. SEEN. SAFE. yang disertai seramai 173 pelajar Tingkatan 3, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Damansara Utama, baru-baru ini.

Program di bawah seliaan Pensyarah Kanan, Raja Putri Nadiah Raja Ahmad itu merupakan sebahagian daripada penilaian kursus Teknologi Periklanan.

Matlamat utama program adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar sekolah menengah tentang bahaya pemangsaa seksual dalam talian, termasuk taktik manipulasi yang digunakan oleh pelaku jenayah siber.

Program itu mengupas secara mendalam mengenai taktik pemangsa dan diharap dapat membuka mata pelajar tentang betapa pentingnya keselamatan digital serta peranan mereka dalam melindungi diri ketika berada di alam maya.

Bagi memastikan mesej disampaikan secara berkesan, tiga aktiviti interaktif dijalankan, melibatkan elemen permainan, komunikasi dan simulasi situasi berisiko tinggi.

Aktiviti tersebut bukan sahaja menguji kefahaman pelajar, malah menggalakkan semangat kerjasama dan keberanian bertindak balas dalam situasi mencurigakan.

Menurut Presiden SWARA, Nur Camelia Abdan-Naser, program berkenaan bukan sekadar aktiviti akademik, tetapi juga misi membentuk generasi celik digital yang peka dan berani bersuara.

"Saya amat berbangga melihat keterlibatan aktif para peserta, sokongan guru-guru serta kerjasama erat pihak sekolah. Harapan kami ialah agar pelajar dapat menggunakan media sosial dengan lebih bijak dan selamat selepas mengikuti program ini," katanya.

Program terbabit antara lain bertujuan melahirkan pelajar institusi pengajian tinggi yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga prihatin terhadap isu-isu masyarakat seperti keselamatan dalam talian dan kesejahteraan mental remaja.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih banyak bantuan kepada rakyat – Saarani

Ditulis: Mohamed Hafiz - 2 July 2025



Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berucap pada Majlis Pembentangan Laporan Kemajuan Tahun Ketiga Perak Sejahtera 2030 di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Lenggong. Foto ABDULLAH YUSOF, 30 JUN 2025.

LENGGONG – Peningkatan ketara hasil negeri dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini membolehkan pelbagai bantuan dan inisiatif kebajikan diperluaskan.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, prestasi kewangan negeri berada pada tahap memberangsangkan apabila Perak berjaya merekodkan lebih belanjawan selama tiga tahun berturut-turut, dengan hasil negeri meningkat kepada RM1.23 bilion pada 2023, berbanding RM1.13 bilion pada tahun sebelumnya.

Saarani berkata, prestasi fiskal Perak yang kukuh memungkinkan kerajaan negeri membentangkan bajet lebih besar saban tahun dan menyalurkan manfaat yang lebih luas kepada rakyat.

"Pencapaian Perak mencatat lebih bajet selama tiga tahun berturut-turut walaupun perbelanjaan ditingkatkan setiap tahun, jelas mencerminkan pengurusan fiskal yang cermat dan kecekapan pentadbiran negeri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Laporan Kemajuan Tahun Ketiga Perak Sejahtera 2030 di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong, pada Isnin.

Saarani berkata, kelebihan melalui peningkatan kutipan hasil negeri itu membolehkan pelbagai bentuk bantuan diperkenalkan dan ditambah nilai setiap tahun, termasuk Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada penjawat awam negeri serta menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daripada RM300 kepada RM500 sebulan.



Penerima Kad Perak Sejahtera (KPS) pada Majlis Penyerahan Bantuan KPS Daerah Kinta di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh, pada Sabtu. Foto ANIQ NABILAFIQ ANUAR, 22 FEBRUARI 2025.

Selain itu, katanya, manfaat kenaikan bantuan turut meliputi makanan asas melalui pengagihan kotak makanan, Kad Perak Sejahtera serta peluasan program Kedai Bergerak Negeri Perak dan penambahan Bas Perak Sejahtera serta beberapa inisiatif bantuan pendidikan dan mahasiswa.

"Inisiatif membasmi kemiskinan pula menunjukkan impak besar apabila sebanyak 8,986 Ketua Isi Rumah (KIR) berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin tegar melalui program bersasar seperti OSC Sejahtera Sosial, eKasih, dan IPR (Inisiatif Pendapatan Rakyat).

"Banyak perancangan yang kita susun sejak 2022 kini bukan sahaja mula menampakkan hasil, malah memberi impak langsung kepada rakyat," kata Saarani.

Dalam pada itu, Saarani berkata, kemakmuran ekonomi negeri turut memberi kesan langsung kepada peningkatan kutipan zakat, terutamanya zakat harta, yang mencerminkan kemakmuran ekonomi di Perak.



Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad merasmikan buku Laporan Kemajuan Tahun Ketiga Perak Sejahtera 2030 di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Lenggong. Foto ABDULLAH YUSOF, 30 JUN 2025.

Peningkatan kutipan zakat itu juga katanya, telah membolehkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) memperluaskan bantuan kepada golongan asnaf dan B40 dalam bentuk bantuan pendidikan, kesihatan, keusahawanan serta kebajikan.

Dilancarkan pada 15 Jun 2022, Pelan Perak Sejahtera 2030 menggariskan sembilan agenda utama kini memasuki tahun ketiga pelaksanaannya.

Sembilan agenda yang digaris melibatkan Sekuriti Makanan, Ekonomi Digital, Pembuatan Keputusan Berpacuan Data, Koridor TVET Malaysia, Perlombongan Bertanggungjawab, Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri, Pembangunan Sosial, Kelestarian Alam dan Biodiversiti, serta Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan.

Saarani berkata, Perak kini berada pada momentum yang kukuh dalam menjayakan sembilan agenda utama yang digariskan bagi memacu sosioekonomi negeri itu menjelang tahun 2030.

Menurut beliau, memasuki tahun ketiga pelaksanaan pelan Perak Sejahtera 2030, 108 daripada 272 projek dan inisiatif telah pun dijayakan manakala 128 lagi kini sedang dalam peringkat pelaksanaan. -MG Perak

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jenayah seksual di Terengganu meningkat

02 Julai 2025 04:02pm



Sebanyak 108 kes jenayah seksual dilaporkan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini. Foto hiasan

KUALA TERENGGANU - Kes jenayah seksual di Terengganu bagi tempoh 1 Januari hingga Jun tahun ini mencatatkan peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

Ketua Polis Negeri, Datuk Mohd Khairi Khairuddin berkata, sebanyak 108 kes jenayah seksual dilaporkan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini berbanding 104 kes dalam tempoh sama tahun lepas, dengan jumlah kes tertinggi membabitkan kejadian rogol dan sumbang mahram.

Beliau berkata, mangsa yang terlibat berusia antara lima hingga 27 tahun, manakala suspek berumur antara 15 hingga 72 tahun, dan sebahagiannya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mangsa.

"Kes rogol meningkat kepada 41 kes pada tahun ini berbanding 37 kes tahun lepas, manakala sumbang mahram pula bertambah kepada sembilan kes tahun ini berbanding lima kes tahun lepas.

"Antara faktor penyumbang, kurangnya kepekaan ibu bapa tentang trend jenayah semasa melibatkan kanak-kanak serta kurang perhatian daripada ibu bapa dan ahli keluarga sehingga mangsa takut untuk menceritakan perkara sebenar," katanya selepas Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Ketua Polis Terengganu di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini pada Rabu.

Sehubungan dengan itu, Mohd Khairi menasihati supaya ibu bapa sentiasa memantau gajet anak-anak dan peka dengan keadaan semasa, manakala masyarakat pula digesa supaya menyalurkan maklumat dengan segera kepada pihak berkuasa.

Dalam perkembangan lain, Mohd Khairi berkata, polis menahan 14 suspek dan merampas 25 motosikal serta sebuah kereta dalam Op Lejang Khas yang dijalankan bermula 18 hingga 30 Jun.

Beliau berkata, ia hasil pemeriksaan terhadap 382 individu, 622 motosikal dan 26 kereta di beberapa lokasi, termasuk premis kedai, bengkel dan stor barang lusuh.

"Op Lejang Khas menyasarkan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan terhadap jenayah harta benda.

"Sebanyak 14 suspek lelaki, berusia antara 17 hingga 42 tahun yang ditahan akan disiasat mengikut Seksyen 6 Akta Peniaga Sekendhend, Seksyen 379 Kanun Keseksaan, Seksyen 379A Kanun Keseksaan, dan Seksyen 29(1) Akta Kesalahan Kecili," katanya. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Duda didakwa tampar anak hingga cedera, berang dipanggil bodoh



NOR FARHANA YAACOB [Follow](#)

02 Julai 2025 04:51pm



Gara-gara menampar pipi anak perempuannya sehingga cedera, seorang duda yang juga penganggur didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, pada Rabu.

MELAKA - Gara-gara menampar pipi anak perempuannya sehingga cedera, seorang duda yang juga penganggur didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, pada Rabu.

Tertuduh Mohamad Hazmi Mansor, 34, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah sejurus pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Uthman Abd Ghani.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap anak perempuannya yang berusia empat tahun dengan cara menampar pipi mangsa.

Kesalahan itu dilakukan di kedai tempat kerja tertuduh di Taman Cheng Utama, di sini, kira-kira jam 2 petang, pada 7 April lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun dan boleh dikenakan denda maksimum RM2,000, sabit kesalahan.

Dipercayai tertuduh yang telah bercerai dengan isterinya sejak empat tahun lalu bertindak sedemikian kerana berang selepas kanak-kanak itu berulang kali menggunakan perkataan 'bodoh' walaupun ditegur.

Timbalan Pendakwa Raya Farah Nabihah Sofian mencadangkan jaminan RM10,000.

Tertuduh yang diwakili peguam Amritpal Singh merayu jaminan rendah dengan alasan bapa kepada tiga orang anak itu baharu diberhentikan kerja selain menanggung anak-anak dan kedua orang tuanya.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM 2,000 dengan seorang penjamin serta menetapkan 11 Ogos depan bagi sebutan semula kes dan serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja amang seksual dua sepupu lelaki dihantar ke Sekolah Tunas Bakti

02 Julai 2025, 3:51pm



Foto hiasan

BATU PAHAT: Mahkamah Majistret hari ini memerintahkan pelajar Tingkatan Tiga yang mengaku bersalah amang seksual fizikal terhadap dua sepupu lelaki ketika sambutan hari lahirnya, Mac lalu dihantar ke Sekolah Tunas Bakti.

Perintah itu dikeluarkan oleh Majistret Arun Noval Dass terhadap pelajar berusia 15 tahun yang berhadapan tiga pertuduhan, berkuat kuasa hari ini selama tiga tahun.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak lelaki berusia enam tahun dalam bilik air sebuah rumah dalam daerah ini antara jam 8.30 hingga 10.20 malam.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, dia mengulangi perbuatan sama ke atas individu lain berusia tujuh tahun di rumah tamu dan bilik tidur dengan semua kejadian, lokasi dan masa berlaku di tempat sama.

Untuk kesemua pertuduhan ini, dia didakwa mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dengan penjara 20 tahun dan juga sebatan.

Bagi pesalah kanak-kanak, hukuman yang bakal dikenakan ialah bon berkelakuan baik, diletakkan bawah jagaan saudara atau orang lain yang sesuai dan layak serta dihantar ke Sekolah Henry Gurney.

Pada hari kejadian, majlis sambutan hari lahir diadakan dengan dihadiri beberapa orang termasuk dua mangsa terbabit.

Namun, sebaliknya berlaku apabila tertuduh mengajak seorang mangsa masuk ke bilik air lalu melakukan onar terhadapnya.

Selepas itu, tertuduh mengajak mangsa kedua dengan kejadian berlaku masing-masing dalam bilik tidur dan ruang tamu.

Kejadian itu terbongkar apabila mangsa menceritakan kepada ibunya sebelum membuat laporan polis.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Wahidah Mohd Sharip manakala tertuduh diwakili peguam, Suhaila Shafi'uddin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WANITA TAK MENGAKU SALAH KES SEBAR GAMBAR LUCAH MADU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 3 JUL 2025

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Wanita tak mengaku salah kes sebar gambar lucah madu

Melaka: Wanita yang juga ejen pelaburan mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan, termasuk menyebarkan dan menyimpan gambar lucah seorang guru yang juga madunya, dalam kejadian pada Mac lalu.

Tertuduh, Herni Sofini Omar, 53, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sejourus ketiga-tiga pertuduhan itu di Mahkamah terhadapnya di hadapan Majistret, Utman Abd Ghani di sini, semalam.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa melakukan perbuatan mengaibkan kehormatan mangsa berusia 45 tahun secara menyebarkan gambar lucah melalui kiriman surat.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksian (KK), jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara sehingga lima tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa melakukan ugutan jenayah terhadap mangsa sama melalui surat tanpa nama yang menyembunyikan identitinya pada masa, tempat dan tarikh sama.

Pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 507KK, jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun, selain hukuman diperuntukkan bagi kesalahan itu mengikut Seksyen 506KK.

Tertuduh didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu di Jalan Meranti 3, Taman Sayang Selasih di sini, kira-kira jam 2 petang pada 27 Mac lalu.

Bagi pertuduhan ketiga, kira-kira jam 3 pagi pada 6 Jun lalu, bertempat di Pejabat Pegawai Penyiasat Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, tertuduh didakwa memiliki gambar lucah milik mangsa sama di dalam telefon bimbitnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 292 KK, jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Hanis Aliah Ahmad Kamarulnajib, mencadangkan jaminan RM24,000 bagi semua pertuduhan oleh seorang penjamin, namun peguam bela, Baharudin Baharim, merayu jumlah itu dikurangkan atas alasan anak guamnya bekerja sendiri dan menanggung empat anak, tiga daripada bersekolah.

Beliau berkata, tertuduh yang ditinggalkan suami sejak kes itu tiada risiko melarikan diri malah bekerjasama penuh.

Mahkamah membenarkan tertuduh dilepaskan sementara dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 6 Ogos untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : REMAN DUA HARI UGUT, SEBAR GAMBAR BOGEL GURU WANITA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 3 JUL 2025

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Reman dua hari ugut, sebar gambar bogel guru wanita

Melaka: Seorang ejen pelaburan direman dua hari bagi membantu siasatan kerana mengugut dan menyebarkan gambar bogel guru wanita yang juga madunya, Mac lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nurul Asyikin Rosli bermula semalam hingga hari ini selepas dipohon pengawal penyiasat bagi melengkapkan siasatan kes mengikut Seksyen 507 dan 509 Kanun Keseksaan.

Menurut sumber, wanita berusia 53 tahun itu ditahan pada jam 10.15 malam kelmarin di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) oleh sepasukan anggota polis.

Katanya, ibu kepada empat anak itu sebelum ini

diklasifikasikan sebagai individu dikehendaki bagi siasatan kes terbabit susulan laporan dibuat madunya berusia 47 tahun yang juga guru di sebuah sekolah di Subang Jaya, Selangor.

"Pengadu terkejut apabila dimaklumkan bapanya di Klebang yang menerima sepucuk surat daripada suspek berserta gambar bogel anak perempuannya itu dan menantu lelaki.

"Berikutan bimbang gambar aibnya tersebar selain suspek sering mengganggu keluarganya, pengadu bertindak membuat laporan polis pada 27 Mac lalu," katanya.

Sumber berkata, wanita itu bercuti di luar negara atas tajaan syarikatnya di Vienna, Austria dan dita-

han sejeurus tiba di KLIA.

Peguam suspek, Sheikh Ikhsan Sheikh Salleh ketika ditemui di perkarangan Kompleks Mahkamah Ayer Keroh semalam berkata, pihaknya sebelum itu membantah permohonan reman selama empat hari yang dipohon polis.

"Anak guam saya ditahan sejeurus tiba di KLIA kira-kira jam 10.15 malam tadi (kelmarin) dan dia memberikan kerjasama penuh bagi membantu siasatan.

"Saya membantah permohonan reman selama empat hari oleh pihak polis kerana kes ini hanya membabitkan kes domestik.

"Alasan polis untuk memohon tempoh reman empat hari itu termasuk bagi menyiasat sama ada anak



WANITA ejen pelaburan direman dua hari bantu siasatan kes ugut, sebar gambar bogel isteri kedua dan suami.

guam saya menggunakan akaun media sosial palsu," katanya.

Sementara itu, Ketua Po-

lis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit ketika dihubungi mengesahkan pena-

hanan suspek, namun tidak mahu mengulas lanjut kerana kes masih dalam siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita didakwa sebar gambar lucah madu



TERTUDUH diiringi anggota polis ketika dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ayer Keroh, Melaka atas pertuduhan menyebarkan, mengugut dan menyimpan gambar lucah seorang wanita. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 2 Julai 2025, 2:33 pm

MELAKA: Seorang ejen pelaburan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan menyebarkan, mengugut dan memiliki gambar lucah seorang wanita yang juga madunya pada Mac dan Jun lalu.

Tertuduh yang berusia 53 membuat pengakuan itu selepas tiga pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Uthman Abd. Ghani.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa telah melakukan perbuatan mengaibkan kehormatan seorang wanita berusia 45 tahun dengan menyebarkan gambar-gambar lucah melalui kiriman surat.

Wanita itu berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau dengan kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

Tertuduh juga dituduh dibawah Seksyen 507 Kanun Keseksaan kerana didakwa menyampaikan ugutan jenayah terhadap wanita sama melalui surat yang menyembunyikan identiti tertuduh yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun.

Kesemua kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 2 petang di sebuah rumah bernombor, Jalan Meranti 3, Taman Sayang Selasih dalam daerah Melaka Tengah pada 27 Mac 2025.

Sementara itu, tertuduh turut berdepan hukuman penjara tiga tahun atau denda atau keduanya sekali mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan kerana menyimpan gambar lucah wanita sama di dalam telefon bimbit tertuduh.

Kesalahan itu telah dilihat kira-kira pukul 3 pagi di pejabat pegawai penyiasat jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, Jalan Kota dalam daerah Melaka Tengah pada 2 Jun 2025.

Timbalan pendakwa raya Hanis Aliah Ahmad Kamarulnajib mencadangkan jaminan RM8,000 bagi setiap pertuduhan, sebaliknya tertuduh diwakili peguam Baharudin Baharim merayu jaminan RM4,000 bagi semua pertuduhan dengan alasan anak guamnya tiada pendapatan tetap dan baru sahaja selesai menjalani pembedahan penyakit kanser selain telah ditinggalkan suami kerana kes tersebut.

Baharudin turut memohon mahkamah mengeluarkan perintah melarang pengadu daripada mengeluarkan kenyataan kepada media.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM5,000 bagi kesemua pertuduhan dan menetapkan tarikh 6 Ogos untuk sebutan semula kes. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas gelandangan dituduh cabul 2 remaja dalam pasar raya

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Mamun Md Firozzal dituduh cabul dua remaja dalam sebuah pasaraya di Kluang. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Lelaki warga Bangladesh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dua pertuduhan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan dalam sebuah pasar raya di Kluang, awal bulan lalu.

Tiada pengakuan direkodkan dari tertuduh, Mamun Md Firozzal, 67, susulan warga emas itu tidak memahami bahasa Melayu ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh yang juga gelandangan didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan berusia 11 dan 12 tahun di sebuah pasar raya, jam 4 petang, 8 Jun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Hukumannya, penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Berdasarkan laporan buat, kedua-dua mangsa ke pasar raya terbabit untuk membeli barangan sebelum didatangi tertuduh.

Selepas melakukan perbuatan itu, orang awam dan pekerja pasar raya menahannya dan semakan melalui kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan perbuatan dilakukannya.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 10 Julai ini untuk sebutan kehadiran jurubahasa dan tiada tawaran ikat jamin diberikan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki warga asing amang seksual remaja bawah umur dipenjara 16 tahun, disebat

🕒 Julai 2, 2025, Rabu - 4:09pm



Buni (tengah) dibawa keluar dari lokap mahkamah setelah dijatuhi hukuman atas empat pensabitan jenayah, hari ini.

SIBU: Seorang lelaki warga Indonesia yang melarikan diri daripada tahanan polis pada 21 Jun lepas, dijatuhi hukuman penjara 16 tahun berserta enam sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini setelah disabitkan atas dua pertuduhan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan bawah umur.

Hakim Musyiri Peet terdahulu menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun berserta tiga sebatan terhadap tertuduh yang dikenali sebagai Buni, 25, bagi setiap pertuduhan, di mana hukuman berjalan berasingan bermula daripada tarikh tertuduh ditahan pada 13 Jun 2025.

Mengikut pertuduhan, Buni dituduh melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berumur 16 tahun tujuh bulan di sebuah rumah panjang di Batang Igan pada Mac 2025, antara jam 3 dan 4 petang serta pada April 2025, antara jam 6.30 petang hingga 7.30 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16, akta sama.

Sementara itu di mahkamah sama, Buni turut dijatuhi hukuman penjara lapan bulan kerana tinggal lebih masa di negara ini selepas pas lawatan sosialnya tamat pada 30 Julai 2024.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di rumah panjang sama di Batang Igan pada 13 Jun 2025, jam lebih kurang 5 petang, satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(C) Akta Imigresen 1959/63 dan dihukum di bawah Seksyen 15(4), akta sama.

Dalam pada itu di Mahkamah Majistret, Buni dijatuhi hukuman penjara lapan bulan bagi pertuduhan melarikan diri daripada tahanan pihak polis ketika diiring ke lokap di Balai Polis Sentral.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Balai Polis Sentral pada 21 Jun 2025, kira-kira jam 4 petang dan didakwa mengikut Seksyen 224 Kanun Keseksaan, yang sabit kesalahan hendaklah dipenjarakan sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta ringkas kes, pada 21 Jun 2025, kira-kira jam 4 petang, setelah pengadu selesai mengambil keterangan daripada seorang lelaki warga Indonesia di Balai Polis Sentral, pengadu telah mengarahkan seorang anggota untuk mengiringi lelaki terbabit ke lokap balai.

Namun ketika sedang diiringi ke lokap, lelaki terbabit yang dikenali sebagai tertuduh telah bertindak meloloskan diri dengan tangan bergari.

Tertuduh bagaimanapun berjaya ditahan semula oleh pihak polis di hadapan sebuah rumah di Jalan Terap pada awal pagi 23 Jun lepas.